



"AL-QURAN MUKJIZAT AGUNG SEPANJANG ZAMAN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِ ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّن دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾ فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿...﴾</p>	4
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,</p> <p>Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Semoga dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya dan keimanan yang teguh akan menjadikan kita hamba yang berjaya di dunia dan di akhirat kelak.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat pada hari yang penuh barakah di dalam bulan yang mulia ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "AL-QURAN, MUKJIZAT AGUNG SEPANJANG ZAMAN".</p> <p>Muslimin yang berbahagia,</p>	6



<p>Al-Quran merupakan mukjizat yang terbesar dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW yang mencabar kekuatan dan pemikiran manusia. Manusia tidak mampu menandingi Al-Quran sama ada dari segi bahasa, makna dan cerita-cerita yang terkandung di dalamnya. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 23-24 sebagaimana yang telah dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud;</p> <p>“Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu dan panggilah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api Neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu Neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir.”</p>	7
<p>Tidak seperti kitab-kitab terdahulu yang lain, al-Quran adalah kitab yang Allah turunkan dan Allah yang akan peliharanya. Al-Quran tidak terbatas hanya pada zaman nabi sahaja, bahkan mukjizat al-Quran adalah berterusan sepanjang zaman. Mukjizat-mukjizat hissi yang dapat dilihat dan dirasa seperti tongkat menjadi ular bagi Nabi Musa Alaihi Salam, keluar unta daripada celah batu bagi Nabi Soleh Alaihi Salam berakhir dengan kewafatan nabi-nabi tersebut. Tetapi bagi Nabi Muhammad SAW disamping memiliki mukjizat hissi, baginda memiliki mukjizat ilmiah iaitu al-Quran yang kekal walaupun baginda telah wafat meninggalkan kita.</p>	8
<p>Al-Quran adalah ucapan-ucapan dan kalimah yang terdiri daripada Alif Ba Ta biasa tetapi ia mampu masuk ke lubuk hati jiwa manusia membuatkan akal terpaksa mengagungkannya. Orang-orang kafir cuba memesongkan orang lain daripada al-Quran. Semakin mereka berusaha melakukan demikian, semakin nampak kesesatan mereka dan terserlah pula kebenaran al-Quran.</p>	9



<p>Sesungguhnya mukjizat para nabi diturunkan sesuai dengan cabaran ketika itu, contohnya umat Nabi Musa Alaihi Salam terkenal dengan sihir maka mukjizat Nabi Musa Alaihi Salam berupa tongkat menjadi ular menelan segala ular tukang sihir Firaun.</p> <p>Maka al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai mukjizat yang melemahkan masyarakat jahiliah yang mengagungkan sastera dan puisi. Al-Quran menandingi kepakaran sasterawan dan menandingi puisi yang digantung di dinding Kaabah.</p> <p>Hadirin yang dimuliakan,</p>	10
<p>Sesungguhnya al-Quran juga mampu menyelesaikan fitnah yang dihadapi manusia. Hadis daripada Al-Haris katanya bahawa Ali bin Abi Talib Radhiallahu'anhu bahawa mendengar Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>أَلَا إِنَّهَا سَتَكُونُ فِتْنَةً، فَقُلْتُ: مَا الْمَخْرَجُ مِنْهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: كِتَابُ اللَّهِ فِيهِ نَبَأُ مَا قَبْلَكُمْ، وَخَبْرُ مَا بَعْدَكُمْ، وَحُكْمُ مَا بَيْنَكُمْ</p>	11
<p>"Akan berlaku fitnah. Aku bertanya: Apa penyelesaiannya wahai Rasulullah? Baginda bersabda : Kitab Allah, di dalamnya berita sebelum kamu, cerita selepas kamu dan hukum di antara kamu".</p> <p>(Riwayat Al-Tirmidzi)</p>	12



<p>Didalamnya berita yang terdahulu khabar sesudah kita dan menjadi penghukum di antara kita. Ia adalah kata putus bukannya gurauan, sesiapa yang meninggalkannya kerana sombong, Allah akan menghancurkannya. Sesiapa yang mencari petunjuk selain Allah, Allah akan sesatkannya. Ia adalah tali Allah yang kukuh. Al-Quran juga adalah peringatan yang bijaksana, jelas dan jalan yang lurus. Ia tidak dapat diseleweng oleh hawa nafsu, ia tidak boleh disamarkan oleh lidah, para Ulama tidak kenyang-kenyang dengannya. Tidak jemu dengan banyak diulang dan tidak berkurang keajaibannya.</p>	13
<p>Hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda :</p> <p>إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ مَا دُبُّهُ اللَّهُ فَاقْبَلُوا مِنْ مَا دُبَّتِهِ مَا اسْتَطَعْتُمْ، إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ حَبْلُ اللَّهِ، وَالنُّورُ الْمُبِينُ، وَالشِّفَاءُ النَّافِعُ عِصْمَةٌ لِمَنْ تَمَسَّكَ بِهِ، وَنَجَاةٌ لِمَنْ تَبِعَهُ، لَا يَزِيغُ فَيَسْتَعْتَبَ، وَلَا يَعْوَجُ فَيَقْوَمُ، وَلَا تَنْقُضِي عَجَائِبُهُ، وَلَا يَخْلُقُ مِنْ كَثْرَةِ الرَّدِّ، اتْلُوهُ فَإِنَّ اللَّهَ يَأْجُرُكُمْ عَلَى تِلَاوَتِهِ كُلَّ حَرْفٍ عَشْرَ حَسَنَاتٍ، أَمَا إِنِّي لَا أَقُولُ الْم حَرْفٌ، وَلَكِنَّ أَلِفٌ وَأَلَامٌ وَمِيمٌ</p>	14
<p>“ Al-Quran ini adakah hidangan Allah. Oleh itu hadaplah hidangan Allah ini sepuas hati kamu. Al-Quran ini adalah tali Allah (cahaya yang menjadi petunjuk), cahaya yang terang dan ubat yang mujarab, pengawal bagi orang yang berpegang dengannya, penyelamat bagi orang yang mengikutnya, sesiapa yang tersesat akan dipandunya, sesiapa yang menyimpang akan dibetulkan keajaibannya tiada henti, keagungan dan kemanisan bacaannya tidak akan terjejas walau sekerap mana sekalipun diulang. Bacalah kerana Allah, kerana ia akan memberikan kamu ganjaran jika kamu membacanya setiap satu huruf sepuluh ganjaran. Saya tidak katakan Aliif Laam Miim sebagai satu huruf tetapi alif (1 huruf) dan Laam (1 huruf) dan Miim (1 huruf).”</p> <p>(Riwayat al-Hakim)</p>	15



<p>Hadirin Muslimin yang kasihi sekalian,</p> <p>Di dalam al-Quran terdapat berita-berita terdahulu yang soheh dan tepat seperti kejadian langit dan bumi, penciptaan Adam dan Hawa, sejarah kaum Nuh, Hud, Soleh, Ashabulkahfi, Habib Al- Najjar dan lain-lain. Begitu juga khabar-khabar terkemudian seperti kisah-kisah Yakjuj dan Makjuj, Hari Kiamat, Mahsyar, Syurga, Neraka dan lain-lain. Malah para ahli sejarah juga merujuk berita-berita ini kepada al-Quran. Walaupun orang-orang barat cuba menimbulkan keraguan ke atas al-Quran dengan menafikan kesahihan pengumpulan al-Quran yang dimulai oleh Saidina Abu Bakar namun ia dapat dipatahkan dengan konsep dan ilmu sanad dalam Islam. Abdullah bin Al-Mubarak berkata "kalau tiada sanad orang akan berkata apa yang dia hendak katakan"</p>	16
<p>Antara mukjizat-mukjizat ilmiah al-Quran adalah:-</p> <p>1. Pembentukan awan. Allah menghantar angin sebelum datang rahmatnya (hujan) hingga angin membawa awan mendung, Allah halakan kepada negara yang mati iaitu kering kontang, lalu Allah turunkan hujan.</p>	17
<p>2. Peringkat kejadian manusia. Allah ciptakan manusia daripada pati yang berasal dari tanah kemudian Allah jadikannya pada penetapan yang kukuh. Kemudian Allah ciptakan benih itu menjadi sebuku darah beku, kemudian seketul daging kemudian menjadi beberapa tulang, kemudian Allah balut tulang itu dengan daging.</p>	18
<p>3. Fungsi tangan dan jari. Allah maha berkuasa menyusun jari jemari. Sangat mudah manusia menyakini bahawa tangan manusia dicipta pencipta dengan tugas-tugas yang luar biasa. Dan banyak lagi mukjizat ilmiah al-Quran dalam bentuk sains.</p>	19



<p>Manakala golongan Plural yang menganggap manusia dapat sampai kepada tuhan yang sama melalui agama yang berlainan adalah ditentang oleh al-Quran. Firman Allah dalam surah al-An'am ayat 153 :</p> <p>وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ذَٰلِكُمْ وَصَّوْا لَكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾</p>	20
<p>“ Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain) itu mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa.”</p>	21
<p>Golongan Liberal pula mengajak umat Islam agar tidak menerima apa sahaja dari teks-teks al-Quran dan hadis nabi SAW, apatah lagi pendapat para ulama. Menurut mereka, banyak kandungan al-Quran yang sudah tidak relevan dengan kemajuan zaman. Begitu juga banyak lagi aliran-aliran dan fahaman yang menentang al-Quran.</p>	22
<p>Namun Allah telah berfirman dalam surah al-Taubah ayat 32:</p> <p>يُرِيدُونَ أَن يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَى اللَّهُ إِلَّا أَن يُتِمَّ نُورَهُ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿٣٢﴾</p>	



"Mereka hendak memadamkan cahaya Allah (ugama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allah tidak menghendaki melainkan menyempurnakan cahayanya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian).".

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:

1. Umat islam hendaklah meyakini bahawa al-Quran adalah mukjizat ilmiah yang terbesar kepada Nabi Muhammad SAW yang akan kekal hingga hari kiamat.
2. Umat islam perlu sedar al-Quran adalah kitab yang menyelesaikan masalah manusia.
3. Umat islam hendaklah meyakini bahawa mukjizat al-Quran membuktikan kebenaran islam yang tidak mampu ditentang oleh sesiapa sahaja.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ لَّيْنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ
لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ ۚ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾



<p>“ Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri.”</p> <p>(Surah al-Isra' : 88)</p>	
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	23
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	24




KHUTBAH KEDUA

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.	1
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.	2
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ	3
Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat kepada Allah SWT. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita senantiasanya dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak covid 19.	5
Untuk itu terimalah dengan baik saranan pihak kerajaan supaya mengambil vaksin dengan mendaftarkan diri kita melalui aplikasi Mysejahtera dan Selangkah serta lain-lain cara yang membolehkan kita mendapat suntikan vaksin yang telah disahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Malah kita tidak perlu gusar dan ragu-ragu lagi apabila menerima suntikan tersebut ketika berpuasa di bulan Ramadhan.	6
Ianya telah diperhalusi dan diperbincangkan untuk menetapkan hukum keharusannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 118 yang bersidang pada 16 hingga 17 Februari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 9 Mac 2021.	7



<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) dan tatacara amalan kebiasaan baharu untuk memerangi wabak penyakit Covid 19 demi keselamatan diri serta masyarakat.</p>	8
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾</p>	9
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	12
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	13
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُور، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	14
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُور، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	15



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22



*Khutbah Jumaat 30 April 2021M / 18 Ramadan 1441H: "Al-Quran Mukjizat Agung Sepanjang Zaman".
Jabatan Agama Islam Selangor*